



## SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN 06/2018

**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN  
PERKHIDMATAN (GO) DAN PERATURAN KEWANGAN (FR)  
BAGI TAHUN 2018 DAN PEPERIKSAAN LANJUTAN GO DAN FR**

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 11/2012 mengenai perkara tersebut di atas adalah dipinda melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2/2018.

Dimaklumkan bahawa peperiksaan GO dan FR akan diadakan sebanyak **tiga (3) kali setahun** iaitu setiap empat (4) bulan sekali tertakluk kepada jumlah calon-calon yang akan menduduki.

**1. PEPERIKSAAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) DAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN (FR)**

**1.1 SYARAT KELAYAKAN**

- 1.1.1 Dibukakan kepada pegawai-pegawai yang di dalam Bahagian II yang mahu menduduki peperiksaan;
- 1.1.2 Mandatori kepada lapan (8) kategori jawatan bagi Skim Perkhidmatan jawatan-jawatan berikut:
- Pegawai Pentadbir;
  - Pegawai Kewangan;
  - Pegawai Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam;
  - Juruaudit;
  - Pegawai Tugas-Tugas Khas;
  - Pegawai Kerja;
  - Pegawai Perolehan;
  - Pegawai Perbekalan.

Ne



## 1.2 SYARAT LAIN

### 1.2.1 PEGAWAI YANG BARU MEMOHON :

1.2.1.1 dimestikan menduduki **kedua-dua kertas peperiksaan** dalam bulan yang sama.

### 1.2.2 PEGAWAI YANG TELAH TAMAT TEMPOH MENERIMA INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN

1.2.2.1 Dibolehkan menduduki kedua-dua peperiksaan;

1.2.2.2 Hendaklah menduduki **kedua-dua kertas peperiksaan** dalam bulan yang sama;

1.2.2.3 Hanya dibenarkan untuk menduduki peperiksaan sebanyak dua (2) kali sahaja.

### 1.2.3 PEGAWAI YANG MASIH MENERIMA ELAUN INSENTIF KEWANGAN BERASASKAN SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 11/2012 DAN BERHASRAT UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN LANJUTAN

1.2.3.1 Dibolehkan menduduki kedua-dua kertas peperiksaan;

1.2.3.2 Mendapat Gred A dalam kedua-dua kertas peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun;

1.2.3.3 Hanya dibenarkan menduduki peperiksaan semula sebanyak dua (2) kali sahaja.

## 2. PEPERIKSAAN LANJUTAN GO DAN FR

2.1 Hanya boleh dibenarkan diambil setelah tempoh tiga (3) tahun dari tarikh terakhir menerima insentif kewangan elaun bulanan yang pertama.

2.2 Pegawai-pegawai yang pada masa ini menerima elaun bulanan berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 adalah dibolehkan menduduki Peperiksaan Lanjutan GO dan FR setelah berjaya meningkatkan pencapaian mereka ke Gred A dalam kedua-dua kertas peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun.



### 3. JADUAL PEPERIKSAAN

- 3.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Jadual Peperiksaan adalah seperti berikut:

BULAN	TARIKH PEPERIKSAAN		TARIKH TUTUP
	GO	FR	
April	20 April 2018 Jumaat	22 April 2018 Ahad	19 Mac 2018 Isnin
Ogos	17 Ogos 2018 Jumaat	19 Ogos 2018 Ahad	14 Julai 2018 Sabtu
Disember	07 Disember 2018 Jumaat	09 Disember 2018 Ahad	06 November 2018 Selasa

**\*\* Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.**

### 4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 4.1 Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan dengan **lengkap dan teratur**. Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Perkhidmatan Awam di [www.jpa.gov.bn](http://www.jpa.gov.bn).
- 4.2 Kementerian / Jabatan pemohon hendaklah menghadapkan Borang Permohonan terus ke Jabatan Perkhidmatan Awam di :

**Unit Perkhidmatan Sumber Manusia  
Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510  
Negara Brunei Darussalam**

**atau e-mel:**

[info.kapasiti@psd.gov.bn](mailto:info.kapasiti@psd.gov.bn)





- 4.3 Borang Permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup;
- 4.4 Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima **TIDAK AKAN DILAYAN.**

## 5. HAL – HAL LAIN

- 5.1 Jabatan ini akan menentukan jumlah keramaian pemohon bagi setiap peperiksaan;
- 5.2 Pemohon yang terpilih akan dimaklumkan melalui surat. Nombor Indeks, tarikh, masa dan tempat peperiksaan akan dimaklumkan melalui laman web Jabatan Perkhidmatan Awam di [www.jpa.gov.bn](http://www.jpa.gov.bn) ;
- 5.3 Pemohon hendaklah menghadapi surat makluman atas ketidakhadiran untuk menduduki peperiksaan seperti berikut :
- 5.3.1 Satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan;
- 5.3.2 Tidak lewat satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi hal/alasan/masalah yang diluar jangkaan hendaklah menghadapi surat tunjuk sebab ke Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 5.4 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas pemohon yang **TIDAK HADIR / MENARIK DIRI** dari menduduki peperiksaan tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan tempoh mendaftar semula peperiksaan yang mana difikirkan bersesuaian.



**6. KETERANGAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 406 / 409 / 410

E-mel: [info.kapasiti@psd.gov.bn](mailto:info.kapasiti@psd.gov.bn)

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله ولي التوفيق

*“Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif”  
“Musyawarah Membawa Kesepaduan ”*

**[ DR NORFARIZAL BIN OTHMAN ]**  
**Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**



**BORANG PERMOHONAN  
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN  
PERKHIDMATAN (GO) DAN PERATURAN KEWANGAN (FR)**

**SILA BACA SEMUA ARAHAN DAN PANDUAN SEBELUM MENGISI BORANG INI**

**ARAHAN UMUM:**

- i. Pastikan keterangan yang diberikan adalah lengkap dan teratur.
- ii. Pemohon **hendaklah** menyertakan **salinan kad pengenalan pintar**.
- iii. Pemohon yang **baru memohon** peperiksaan ini hendaklah menyertakan **salinan Surat Lantikan** jawatan pada masa ini.
- iv. Kementerian/Jabatan pemohon hendaklah menghadapkan Borang Permohonan ke Jabatan Perkhidmatan Awam kepada:

**Unit Perkhidmatan Sumber Manusia  
Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam**

atau e-mel:

[info.kapasiti@psd.gov.bn](mailto:info.kapasiti@psd.gov.bn)

- v. Borang Permohonan yang lengkap hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.
- vi. **Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima TIDAK AKAN DILAYAN.**

**Untuk diisi oleh pemohon:**

1. a) Nombor K/P :  -

b) Warna :  Kuning  Merah  Hijau

2. Jantina :  Lelaki  Perempuan

3. Nama pemohon ( mengikut Kad Pengenalan Pintar ) :

**Nota:** Sila pastikan ejaan nama dan gelaran adalah betul dan lengkap untuk kegunaan penyediaan siji. Sebarang perubahan atau pembetulan tidak akan dilayan setelah siji dikeluarkan.

4. a) Jawatan sekarang :

b) Tanggagaji :

c) Tarikh mula lantikan dalam tanggagaji sekarang :

d) Kementerian/Jabatan/ Sekolah tempat mengajar :

No.Telefon : Pejabat :

Bimbit :

No. Fax :

e-mel :

5. Tarikh terakhir menduduki peperiksaan (jika pernah memohon) :

Peperiksaan	Tarikh Peperiksaan	Keputusan	
		Lulus	Gagal
GO			
FR			

\*tandakan ✓ pada ruang keputusan

6. Tarikh peperiksaan yang dipohon:

BULAN	GO	SILA TANDAKAN ✓	FR	SILA TANDAKAN ✓
April	20 April 2018 Jumaat		22 April 2018 Ahad	
Ogos	17 Ogos 2018 Jumaat		19 Ogos 2018 Ahad	
Disember	07 Disember 2018 Jumaat		09 Disember 2018 Ahad	

\*Bagi pemohon yang pertama kali menduduki, hendaklah menduduki **kedua-dua kertas peperiksaan** dalam bulan yang sama.

7. Pengesahan pemohon :

**Saya akui segala keterangan yang diberikan adalah benar.**

.....  
Tandatangan Pemohon

Tarikh : .....

**Untuk diisikan oleh Ketua Jabatan :**

Saya mengesahkan bahawa keterangan permohonan di atas adalah betul.

.....  
**Tandatangan dan Cop Rasmi  
Ketua Jabatan**

.....  
Tarikh

**Nama :** .....

**Jawatan :** .....